



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - JUMAAT, 11 JULAI 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	WANITA DIPERKASA DALAM EKONOMI DIGITAL		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-diperkasa-dalam-ekonomi-digital	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2025/07/1242872/care-framework-boost-womens-role-workforce-says-nancy	NST.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	CALL FOR DECISIVE ACTION TO CLOSE GENDER GAP IN DIGITAL ACCESS		POSITIF
	https://thesun.my/business-news/call-for-decisive-action-to-close-gender-gap-in-digital-access-KF14446491	THESUN.MY	
	https://www.nst.com.my/business/corporate/2025/07/1242547/women-must-lead-digital-shift-says-wwebs-chair	NST.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1417983/wanita-perlu-sedia-berdepan-transformasi-digital-ai-untuk-memimpin	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	TANGANI SEGERA ISU TENAGA KERJA WANITA RENDAH DI NEGARA INI - NURUL IZZAH		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/07/1418185/tangani-segera-isu-tenaga-kerja-wanita-rendah-di-negara-ini-nurul	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1239359/perlu-tangani-segera-isu-penyertaan-wanita-dalam-pekerjaan-rendah-nurul	HMETRO.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/business/corporate/2025/07/1242750/millions-women-still-missing-workforce-nurul-izzah	NST.COM.MY	
	https://thesun.my/business-news/structural-barriers-still-hindering-malaysian-women-from-economic-participation-nurul-izzah-JF14446258	THESUN.MY	
	https://www.thevibes.com/index.php/articles/news/110338/govt-urged-to-tackle-low-women-workforce-participation-amid-double-burden	THEVIBES.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	SATU DEMI SATU KES SEKSUAL DI NEGARA INI DIBONGKARKAN		NEGATIF
	https://www.sinarharian.com.my/article/737929/suara-sinar/lidah-pengarang/satu-demi-satu-kes-seksual-di-negara-ini-dibongkarkan		
		SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	TULAR MURID DIDEKATI LELAKI TIDAK DIKENALI DI LUAR PAGAR SEKOLAH, POLIS TINGKAT KAWALAN		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1239500/tular-murid-didekati-lelaki-tidak-dikenali-di-luar-pagar-sekolah-polis		
		HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	'CEO BATU' DIDAKWA LAKUKAN AMANG SEKSUAL TERHADAP REMAJA		NEGATIF
	https://berita.rtm.gov.my/jenayah/senarai-berita-jenayah/senarai-artikel/%E2%80%98ceo-batu%E2%80%99-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-remaja		
		BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/737969/berita/semasa/video-ceo-batu-didakwa-amang-seksual-tunjuk-gambar-aib#google_vignette		
		SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1418031/ceo-batu-dituduh-laku-amang-seksual-terhadap-remaja-perempuan		
		BHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2443488		
		BERNAMA.COM	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/07/1239196/ceo-batu-tak-mengaku-laku-amang-seksual-kepada-remaja-perempuan		
		HMETRO.COM.MY	
	https://thesun.my/cerita/berita/ceo-batu-didakwa-lakukan-amang-seksual-terhadap-kanak-kanak-NF14445448		
		THESUN.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/ceo-batu-dituduh-tunjuk-kemaluan-kepada-mangsa-14-tahun/		
		UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://beautifulnara.com/black-hanifah-sifatkan-ceo-batu-jaga-tutur-bahasa-terkejut-terlibat-kes-amang-sksual-dia-suka-berterima-kasih-walaupun-muka-ganas/	BEAUTIFULNARA.COM	
	https://majoriti.com.my/berita/2025/07/10/gaji-cuma-rm3000-sebulan-ceo-batu-mohon-rendah-jaminan-mengaku-tak-bersalah-tuduhan-amang-seksual	MAJORITI.COM.MY	
	https://ohmedia.my/trending/ceo-batu-dibenar-ikat-jamin-rm6000-mengaku-tak-bersalah-lakukan-amang-seksual/	OHMEDIA.MY	
	https://beautifulnara.com/didakwa-lakukan-amang-sksual-bukan-fizikal-terhadap-remaja-perempuan-ceo-batu-mengaku-tak-bersalah/	BEAUTIFULNARA.COM	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/10/ceo-batu-mengaku-tak-salah-tunjuk-kemaluan-kepada-gadis-13-tahun	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://www.malaysiadateline.com/ceo-batu-mengaku-tak-bersalah-didakwa-lakukan-amang-seksual-kepada-mangsa-14-tahun/	MALAYSIADATELINE.COM	
	https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/07/10/ceo-batu-mengaku-tak-bersalah-amang-seksual-remaja	MSTAR.COM.MY	
	https://onetiger.com/pengaruh-ceo-batu-didakwa-amang-seksual-terhadap-remaja/	ONETIGER.COM	
	https://says.com/my/seismik/ceo-batu-didakwa-atas-salah-laku-amang-seksual-bukan-fizikal-ke-atas-remaja-perempuan-13-tahun	SAYS.COM	
	https://therakyatinsight.com/didakwa-tunjuk-kemaluan-kepada-gadis-13-tahun-ceo-batu-mengaku-tidak-bersalah/	THERAKYATINSIGHT.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	WARGA BANGLADESH DITUDUH CABUL 2 REMAJA DALAM PASAR RAYA		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/warga-bangladesh-dituduh-cabul-2-remaja-dalam-pasar-raya/	BULETINTV3.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/07/1418044/warga-asing-didakwa-cabul-dua-kanak-kanak-di-pasar-raya?source=widget	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1239243/gelandangan-warga-bangladesh-dituduh-cabul-dua-remaja-dalam-pasar-raya	HMETRO.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



11/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1242628/bangladeshi-man-claims-trial-molesting-2-girls-kluang-supermarket	NST.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=iel3Z2etuqc	YOUTUBE	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Wanita diperkasa dalam ekonomi digital

Nasional - Dicipta: 10 Julai 2025 07:49 PM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri ditemui pemberita pada program Worlds Women Economic & Business Summit (WWWS) 2025 di ibu negara

KUALA LUMPUR, 10 Julai - Usaha berterusan sedang dipergiat bagi memperkasa wanita dalam ekonomi digital agar mereka dapat bersaing secara setara dengan usahawan lelaki

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ini terutama mempertingkatkan inisiatif serta membuka peluang pelaburan dan akses pembelajaran, latihan dan peralatan berorientasikan digital.

Katanya, antaranya menerusi kolaborasi pihak awam dan swasta dalam program Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM); pengekodan, kecerdasan buatan (AI), teknologi kewangan (fintech) dan keselamatan siber.

"Maka sebab itu kita perlukan kerjasama di kalangan badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk membantu wanita bangkit lagi, untuk lebih maju lagi supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih penting daripada sekarang ini sehingga dapat setanding dengan lelaki dalam banyak perkara," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan sempena program Worlds Women Economic & Business Summit (WWWS) 2025 di ibu negara.

Dalam pada itu, program **Gig@Bit antara** bukti perkongsian awam-swasta yang kukuh dengan rakan kongsi seperti Maxis, Shopee, Canon, dan banyak lagi untuk mengekalkan wanita sebagai pencari kerjaya dan usahawan dalam ruang digital.

"Jadi kita menggalakkan wanita bekerjasama dalam kalangan mereka dan juga sektor swasta untuk membantu.

"Dengan adanya kerjasama Awam-Swasta, ia memberi peluang kepada sektor swasta untuk menerokai keperluan wanita. Malah juga membantu mereka dari segi teknologi dan bagaimana memanfaatkan teknologi untuk tujuan pemasaran," katanya.

Dalam ucaptamanya, Datuk Seri Nancy turut menyentuh mengenai usaha memanfaatkan teknologi digital dalam pelaksanaan Rangka Kerja Industri Penjagaan, ke arah memperkukuh industri penjagaan di negara ini.

Ketika ini, ia sedang dilaksana secara berperingkat mengambilkira pelbagai aspek kebijakan di pusat-pusat penjagaan seluruh negara, termasuk menambah baik rangka kerja perundangan sedia ada.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Call for decisive action to close gender gap in digital access

Deepalakshmi Manickam

2025-07-10 06:20 PM



Halimah delivering her address at the 2025 World Women Economic and Business Summit.

KUALA LUMPUR: Governments and businesses must act decisively to close the gender gap in digital access and ensure women are central to the design and governance of emerging technologies, said Thailand's Vice Minister for Foreign Affairs. Dr Lalivan Karnchanachari.

Speaking at the opening of the 2025 World Women Economic and Business Summit (WWEBS) today, Lalivan said inclusive participation is critical to unlocking the full economic potential of digital transformation.

"Technology can fundamentally reshape economies, but women must be included from the start," she said.

"In Thailand, women account for less than 30% of online learners, a clear signal that access and engagement remain unequal."

She called for strategic collaboration between governments, the private sector and academia to address barriers to participation and develop policies that support women in the digital economy.

This year's WWEBS gathers more than 500 delegates from across the Asia-Pacific, including women leaders, entrepreneurs, investors and policymakers. The summit, now in its fourth year, carries the theme "Transforming Tomorrow: Women Leading in a Digital, Sustainable and Inclusive Future".

The event aims to strengthen women's leadership in high-impact areas such as digital innovation, sustainability and inclusive business growth.

WWEBS organising committee chair Datuk Halimah Mohd Said said women leaders must be ready to navigate the disruptive forces of artificial intelligence (AI), climate adaptation and evolving workforce demands.

"To lead effectively in today's economy, credibility, vision and execution are crucial," she said in her opening address.

"Leadership is not just about setting goals, but inspiring action that drives measurable results."

Halimah also emphasised the need for leadership renewal across industries, saying that digital transformation requires a shift in mindset, not just tools. "Companies need leaders who are agile, innovative, and capable of aligning teams with a forward-looking strategy."

WWEBS, she added, serves as a strategic platform for cross-sector collaboration, enabling businesses and institutions to exchange insights and scale gender-inclusive solutions.

In line with the summit's digital theme, an on-site exhibition showcased 19 artworks by six female artists, including a featured piece that integrated AI and augmented reality, underscoring how creative and tech sectors are converging.

Among the distinguished guests were Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri and former special adviser to the finance minister Nurul Izzah Anwar, both of whom stressed the importance of creating ecosystems that support women-led ventures.

The summit also honoured leading entrepreneurs and executives through its annual Business Excellence Awards and Distinguished Lifetime Achievement Awards, recognising trailblazers driving transformation across industries.

As businesses worldwide embrace automation, environmental, social and governance standards and borderless markets, WWEBS positions itself as a regional anchor point for developing inclusive economic strategies led by women.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tangani segera isu tenaga kerja wanita rendah di negara ini - Nurul Izzah

Oleh Mahani Ishak - Julai 10, 2025 @ 4:12pm



Nurul Izzah berucap pada Majlis Makan Tengahari sempena Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia (WWEBS) di Hotel Seri Pacific hari ini. NSTP/RAIHANA MANSOR

KUALA LUMPUR: Kadar penyertaan wanita yang masih rendah dalam tenaga kerja perlu ditangani segera berikutan terdapat berjuta-juta wanita tidak bekerja bukan disebabkan tiada bakat, tetapi akibat dibelenggu bebanan kerja berganda.

Ini kerana berdasarkan dapatan sehingga 2022, kadar penyertaan wanita direkodkan sekitar 55.8 peratus berbanding hampir 82 peratus lelaki, walaupun bilangan wanita melanjutkan pengajian di universiti sebanyak 57 peratus.

Timbalan Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, berkata realiti wanita tidak bekerja atau terpaksa meninggalkan dunia pekerjaan adalah dipengaruhi bebanan penjagaan anak serta tuntutan tidak dibayar menguruskan keluarga.

"Lebih tiga juta wanita menyatakan kerja rumah dan tanggungjawab keluarga menjadi punca utama mereka tidak bekerja berbanding hanya sebilangan kecil lelaki memberi alasan sama.

"Malah pada peringkat global, wanita melaksanakan 76.4 peratus daripada keseluruhan beban penjagaan tidak dibayar, dengan purata 4.5 jam sehari berbanding hanya 1.4 jam yang diluahkan lelaki.

"Di Malaysia, Kajian Masa Penggunaan oleh Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) pada 2018 mendapati wanita meluangkan lebih 60 peratus masa tambahan untuk kerja penjagaan tidak dibayar berbanding lelaki walaupun selepas seharian bekerja," katanya berucap pada Majlis Makan Tengahari sempena Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia (WWEBS) di Hotel Seri Pacific di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan (Sektor Dasar dan Kurikulum), Dr Rusmini Ku Ahmad serta Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WWEBS, Datuk Halimah Mohd Said.

Edisi keempat WWEBS kali ini menghimpunkan pemimpin wanita, usahawan, penggubal dasar dan ejen perubahan dari seluruh rantau Asia-Pasifik dengan tema 'Mengubah Masa Depan: Wanita Menerajui Era Digital, Mampun dan Inklusif' yang menekankan peranan penting wanita dalam mengemudi serta memimpin melalui perubahan transformasi merentas ekonomi dan masyarakat.

Nurul Izzah berkata, 'syif kerja berganda' selepas seharian penat bekerja sambil mengurus rumah tangga dan membesarkan anak masih tidak mendapat perhatian sewajarnya hingga menyebabkan isu beban wanita tidak diiktiraf serta ditangani secara menyeluruh.

"Sebab itu kerajaan perlu mencari penyelesaian yang dapat merapatkan jurang kesaksamaan gender dalam penjagaan keluarga, teknologi dan dasar berkaitan pekerjaan jika mahu mencapai sasaran 60 peratus tenaga kerja wanita dalam tempoh sedekad akan datang.

"Justeru, pembangunan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang adil dan inklusif memerlukan kerjasama menyeluruh antara syarikat teknologi, kerajaan dan institusi akademik dengan menekankan kepentingan pasukan pembangunan yang pelbagai, data yang seimbang dan audit terhadap unsur bias.

"Ini kerana laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu UN Wanita Australia (UN Women Australia) mendapati walaupun AI mempunyai potensi besar, ia turut membawa risiko mendalam terutama terhadap kesaksamaan gender," katanya.

Memetik laporan Zinnya del Villar daripada UN Women, katanya, sistem AI yang dilatih menggunakan data yang sarat dengan stereotaip lazimnya akan mencerminkan dan mengukuhkan kecenderungan (bias) terhadap jantina sedia ada.

"Kecenderungan berat sebelah ini bukan sekadar teori, tetapi secara langsung membentuk peluang dan kepelbagaian dalam sektor penting seperti pengambilan pekerja, pembuatan keputusan, kelulusan pinjaman dan penghakiman dalam sistem perundangan.

"Jika dibiarkan tanpa pemantauan, algoritma yang berat sebelah ini berisiko mengunci diskriminasi dalam sistem masa depan kita, tidak kira betapa canggihnya teknologi dibangunkan," katanya berkongsi dapatan laporan itu.

Sementara itu, laporan tahunan Hashtag Palestine 2024 oleh Pusat Arab untuk Pemajuan Media Sosial turut membangkitkan kebimbangan AI dan platform digital boleh dimanipulasi untuk meluaskan ketidakadilan terutama terhadap suara pro-Palestin.

"Menurut laporan itu, terdapat usaha sistematik untuk menyapukan suara digital rakyat Palestin dan menyekat ruang digital mereka, sekali gus mencetuskan pelanggaran hak digital secara meluas serta mewujudkan realiti digital yang semakin berat sebelah dan tidak adil," katanya.

Rusmini yang membacakan teks ucapan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek pula berkata, jurang ketidaksamaan gender adalah cabaran besar.

"Walaupun pencapaian pendidikan wanita di Malaysia amat memberangsangkan, kadar penyertaan wanita masih rendah.

"Kajian menunjukkan jika wanita diberi peluang ekonomi setara, pendapatan perkapita negara boleh meningkat lebih 25 peratus bersamaan kira-kira RM9,400 bagi setiap rakyat Malaysia setiap tahun. Ini bukan sahaja soal keadilan, malah suatu bentuk kebijaksanaan ekonomi," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Satu demi satu kes seksual di negara ini dibongkarkan



LIDAH PENGARANG [Follow](#)

10 Julai 2025 08:00am



Beberapa kes seksual sebelum ini juga dilaporkan membabitkan siasatan terhadap golongan selebriti serta penceramah bebas. Foto hiasan

SEJAUH manakah kebimbangan jenayah seksual dalam negara? Satu demi satu kes berjaya dibongkar pihak berkuasa negara melibatkan aktiviti penyebaran, memiliki serta menjual kandungan lucah termasuk Bahan Penderaan Seksual Kanak-Kanak (CSAM).

Antara kes yang menggemparkan negara ialah serbuan Op Pedo Bersepadu pada Disember tahun lepas oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Seramai 13 suspek ditahan di Lembah Klang, Pulau Pinang, Perak, Johor dan Terengganu kerana disyaki terlibat dalam kegiatan itu.

Operasi itu menemui peranti yang digunakan mengandungi kira-kira 40,000 CSAM dan bahan pornografi dewasa.

Kemudian tular pula kumpulan Facebook dikenali sebagai 'Grup Budak-Budak Sekolah Rendah' yang dikatakan menyebarkan gambar remaja perempuan tidak senonoh.

Lebih menggemparkan apabila polis menahan pasangan suami isteri di sebuah hotel di Shah Alam, Selangor baru-baru ini yang terlibat aktiviti pelacuran dan penjualan video seks di aplikasi sosial.

Bukan itu sahaja, beberapa kes seksual sebelum ini juga dilaporkan membabitkan siasatan terhadap golongan selebriti serta penceramah bebas.

Tahun lalu, Timbalan Menteri Komunikasi, Teo Nie Ching dilaporkan berkata, SKMM telah menyekat 549 laman sesawang bersifat lucah dan bersifat sumbang.

Malah, paparan kandungan lucah ringan dilihat semakin berani dihasilkan di media sosial. Bukan sahaja content dari luar negara, malah dalam negara sendiri.

Pengguna media sosial hari ini terdiri daripada pelbagai lapisan umur dan sekiranya lewat diambil tindakan, bimbang ia akan dinormalisasikan.

Akhbar ini menerusi laporan eksklusif pada Februari lalu juga melaporkan aplikasi media sosial dan cari cinta (dating apps) dikesan digunakan penjenayah seksual untuk berkenalan hingga menjerat mangsa terutama kanak-kanak.

Statistik dikeluarkan PDRM mencatatkan 633 kes pada tahun lalu membabitkan pelbagai aplikasi sosial.

Terdapat juga enam kes direkodkan membabitkan kes seksual melalui perkenalan di permainan dalam talian (online game).

Justeru, usaha membanteras kegiatan ini perlu terus dipergiatkan lagi dengan kerjasama semua pihak.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tular murid didekati lelaki tidak dikenali di luar pagar sekolah, polis tingkat kawalan

Nor Fazlina Abdul Rahim
nfazlina@nstp.com.my



GAMBAR hiasan

Kuala Krai: Polis meningkatkan kawalan dan rondaan di sebuah sekolah di Guchil di sini, susulan tular video murid perempuan tahun empat yang didatangi lelaki tidak dikenali berpakaian serba hitam dan memakai pelitup muka di luar pagar sekolah, semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Krai, Superintendan Mazlan Mamat berkata, polis memandang serius perkara berkenaan khususnya membabitkan keselamatan kanak-kanak terutama murid yang terdedah kepada ancaman jenayah.

"Susulan kejadian ini, Ketua Polis Balai yang berkaitan sudah diarahkan untuk meningkatkan rondaan di kawasan sekolah, terutamanya ketika waktu tamat sesi persekolahan.

"Pihak pengetua juga dinasihatkan supaya membenarkan murid menunggu di dalam kawasan sekolah sehingga ibu bapa atau penjaga tiba untuk menjemput mereka.

"Selain itu, pihak pengawal keselamatan sekolah diminta untuk menjalankan pemantauan lebih ketat dengan memastikan setiap pelajar dicatat dan hanya dibenarkan keluar bersama ibu bapa atau penjaga yang sah," katanya menerusi kenyataan media di sini, hari ini.

Terdahulu, tular video murid Tahun Empat yang menceritakan dia didatangi lelaki tidak dikenali ketika sedang menunggu ibunya di luar sekolah semalam.

Lelaki berkenaan mendakwa bapa kanak-kanak itu meminta dia datang mengambil murid berkenaan.

Kanak-kanak itu kemudiannya bertanya nama bapanya kepada lelaki berkenaan untuk pengesahan, namun gagal dijawab sebelum murid itu melarikan diri.

Pada masa sama, Mazlan turut meminta orang ramai segera menyalurkan maklumat kepada pihak polis sekiranya melihat sebarang aktiviti mencurigakan atau mempunyai maklumat berkaitan kejadian ini.

"Segala kerjasama amatlah dihargai demi memastikan keselamatan masyarakat, khususnya di daerah Kuala Krai.

Mengulas lanjut katanya, sebagai langkah pencegahan, pihak polis menyarankan beberapa panduan keselamatan kepada murid iaitu sentiasa menunggu di dalam kawasan sekolah sehingga dijemput oleh keluarga atau penjaga serta mengelak berjalan seorang diri.

"Selain itu, jika didekati orang tidak dikenali, segera menjerit dan lari ke kawasan selamat atau ke post pengawal keselamatan.

"Murid juga diminta menunggu di pos pengawal keselamatan jika keluarga masih belum tiba.

Selain itu, seluruh masyarakat disarankan untuk memuat turun aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP) PDRM 2.0 sebagai salah satu saluran pantas untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CEO BATU MENGAKU TAK SALAH KES AMANG SEKSUAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 11 JUL 2025

M/SURAT : 15

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

CEO Batu mengaku tak salah kes amang seksual



Muhammad Iqbal dibawa ke Mahkamah Sesyen, Ampang, semalam.
(Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Ampang: Pempengaruh, Muhammad Iqbal Muhammad Nor atau CEO Batu dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal kepada seorang remaja perempuan berusia 13 tahun pada Mei lalu.

Tertuduh, 22, didakwa di depan Hakim Norshila Kamarudin mengikut Seksyen 15(a)(i) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntuk hukuman penjara sehingga 10 tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Dia dituduh melakukan amang

seksual bukan fizikal dengan niat untuk dilihat remaja perempuan berkenaan di sebuah unit kediaman di Batu Caves, Gombak, jam 1.16 pagi pada 16 Mei lalu.

Mohon jamin RM6,000

Tertuduh yang diwakili peguam, Mohd Aniq Rafih bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebelum Timbalan Pendakwa Raya Nadiah Malek Fauzie memohon mahkamah menetapkan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan.

Mohd Aniq memohon jaminan lebih rendah, iaitu RM6,000 memandangkan anak guamnya ha-

nya bekerja sebagai pempengaruh dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 sebulan yang kini terjejas, berikutan akaun media sosialnya disekat dan telefon pintarnya masih dalam simpanan polis.

"Selain itu, tertuduh juga menjaga datuknya yang menghidap penyakit kencing manis dan jantung," katanya.

Mahkamah menetapkan jaminan RM6,000 dengan syarat tambahan melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan. Sebutan semula ditetapkan 14 Ogos depan untuk serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : CEO BATU NAFI AMANG SEKSUAL BUKAN FIZIKAL

HARI : JUMAAT

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 11 JUL 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

lokal



MAHKAMAH menetapkan jaminan sebanyak RM6,000 kepada CEO Batu dengan syarat tambahan iaitu perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

KIRIM MESEJ KEPADA REMAJA PEREMPUAN 13 TAHUN

Ampang

Pempengaruh Muhammad Iqbal Muhammad Nor atau CEO Batu mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal kepada seorang remaja perempuan berusia 13 tahun pada Mei lalu.

Tertuduh yang berusia 22 tahun, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Norshila Kamarudin selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal dengan niat untuk dilihat remaja perempuan berkenaan.

CEO Batu nafi amang seksual bukan fizikal

Pbuatan itu dilakukan sebuah unit kediaman di Batu Caves, Gombak jam 1.16 pagi pada 16 Mei lalu.

Berikutan itu, tertuduh melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15(a)(i) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Hukuman bagi seksyen itu memperuntukkan adalah penjara maksimum 10 tahun atau denda maksimum RM20,000 atau kedua-dua-

nya jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya, Nadiah Malek Fauzie memohon mahkamah menetapkan jumlah jaminan sebanyak RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan.

Bagaimanapun peguam tertuduh, Mohd Aniq Rafiq memohon jaminan lebih rendah

iaitu RM6,000 memandangkan anak guamnya hanya bekerja sebagai pempengaruh.

Tertuduh bekerja sebagai pempengaruh dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,000 sebulan. Bagaimanapun, pendapatan tertuduh terjejas memandangkan akaun media sosialnya disekat se-

lain telefon pintarnya masih dalam rampasan polis. Selain itu, tertuduh juga menjaga datuknya yang menghidap penyakit kencing manis dan jantung," katanya.

Mahkamah menetapkan jaminan sebanyak RM6,000 dengan syarat tambahan iaitu perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan.

Sebutan semula kes untuk serahan dokumen ditetap-

kan pada 14 Ogos depan.

Sebelum ini, media melaporkan CEO Batu ditahan polis bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menghantar beberapa mesej berbaur lucah kepada remaja bawah umur.

CEO Batu juga dilaporkan dihentam teruk selepas penyanji dan pempengaruh, Caprice mendedahkan mengenai beberapa kiriman mesej didakwa berbaur lucah dihantarnya kepada remaja berkenaan.

“Pendapatan tertuduh terjejas memandangkan akaun media sosialnya disekat Mohd Aniq”

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : INFLUENCER CLAIMS TRIAL TO EXPOSING GENITALS

HARI : JUMAAT

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 11 JUL 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

INSTANT MESSAGES TO TEEN

Influencer claims trial to exposing genitals

KUALA LUMPUR: A social media influencer known as "CEO Batu" was charged at the Ampang Sessions Court yesterday with exposing his genitals to a 14-year-old girl in May.

The accused, Muhammad Iqbal Muhamad, 22, pleaded not guilty when the charge was read before judge Norshila Kamarudin.

According to the charge sheet, Iqbal allegedly committed non-physical sexual abuse by exposing his genitals to the teenager near Sunway Batu Caves at 1.16am on May 16.

He was charged under Section 15(a)(1) of the Sexual Offences Against Children Act, which carries a maximum penalty of 10 years' jail, a fine of up to RM20,000 or both.

Deputy public prosecutor Nadiah Malek Fauzie requested bail to be set at RM10,000 with one surety, citing the accused's public profile and the virality of the case.



Muhammad Iqbal Muhamad, who calls himself CEO Batu on social media, being led to the Ampang Sessions Court to be charged with non-physical sexual abuse of a teenager. NSTP PIC BY EIZAIRI SHAMSUDIN

Defence lawyer Mohd Anih Rafih appealed for a reduced bail of RM6,000, arguing that his client was unemployed and that his social media accounts had been suspended.

"The accused is also caring for his grandfather, who suffers from a heart condition and requires monthly treatment at the National Heart Institute.

"He is willing to comply with additional bail conditions, including reporting to the police

and surrendering his passport.

"Furthermore, he will not interfere with prosecution witnesses, as his mobile phone has been seized and he no longer has access to his social media platforms," said the lawyer.

The court set bail at RM6,000 with one surety, prohibited the accused from contacting the victim and required him to report to the police once a month until the conclusion of the case.

The court set Aug 14 for case

mention.

The influencer was remanded on May 23.

The case came to light after influencer and singer Caprice shared screenshots of instant messages allegedly sent by Iqbal to the teenager that were said to be indecent.

Caprice, whose real name is Ariz Ramli, claimed that the girl's mother sought his help after her daughter was allegedly sexually harassed by the influencer.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



'CEO Batu' didakwa lakukan amang seksual terhadap remaja

Jenayah - Dicipta: 10 Julai 2025 12:42 PM



Seorang pengengaruh media sosial dikenali sebagai 'CEO Batu' mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ampang hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 13 tahun / Foto Bernama

KUALA LUMPUR, 10 Julai - Seorang pengengaruh media sosial dikenali sebagai 'CEO Batu' mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ampang hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang remaja perempuan berusia 13 tahun, Mei lepas.

CEO Batu atau nama sebenarnya Muhamad Iqbal Muhamad, 22, didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal ke atas remaja tersebut yang ketika kejadian berusia 13 tahun 10 bulan di sebuah unit kediaman di Sunway Batu Caves pada 1.16 pagi, 16 Mei lalu.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 15(a)(1) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun atau denda boleh sampai RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Nadiyah Malek Fauzie menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin kerana kes tersebut tular dan tertuduh merupakan seorang pengengaruh.

Peguam Mohd Anif Rafih yang mewakili Muhamad Iqbal memohon jaminan RM6,000 atas alasan anak guamnya kini tidak bekerja dan akaun media sosialnya telah disekat oleh pihak berkuasa.

"Tertuduh menjaga datuknya yang menghidap penyakit jantung dan perlu menjalani rawatan setiap bulan di Institut Jantung Negara.

"Dia juga bersedia dikenakan syarat tambahan seperti melaporkan diri di balai polis, penahanan pasport dan tidak mengganggu saksi pendakwaan kerana telefonnya turut telah dirampas," katanya.

Hakim Norshila Kamarudin membenarkan tertuduh diikat jamin RM6,000 dengan seorang penjamin dengan syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu mangsa dan melaporkan diri di balai polis sebulan sekali sehingga kes selesai.

Mahkamah menetapkan 14 Ogos ini untuk sebutan semula kes.-BERNAMA

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



**MALAYSIA
MADANI**

TAJUK : **WARGA EMAS BANGLADESH MENGAKU TIDAK BERSALAH**

HARI : **JUMAAT**

AKHBAR : **HARIAN METRO**

TARIKH : **11 JUL 2025**

M/SURAT : **06**

TONE : **NEGATIF**

SEKTOR : **KPWKM**

AMANG SEKSUAL FIZIKAL 2 PELAJAR PEREMPUAN

Warga emas Bangladesh mengaku tidak bersalah

Muar: Gelandangan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap dua pelajar perempuan dalam pasar raya di Kluang, bulan lalu.

Pengakuan itu dibuat oleh tertuduh yang juga warga emas, Mamun Md Firozzal, 67, melalui jurubahasa Bangladesh di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan

amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan berusia 11 dan 12 tahun di sebuah pasar raya, 4 petang, 8 Jun lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Hukumannya, penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Is-

mail sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Susulan pengakuan tidak bersalah pihak pendakwaan memohon mahkamah menetapkan tarikh baru sebutan serahan dokumen dan juga lantikan peguam tertuduh.

Selain itu, pihak pendakwaan tidak menawarkan ikat jamin memandangkan tertuduh warga asing.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan tertuduh dihantar ke Pusat Koreksional Muar untuk tahanan.



MAMUN tidak ditawarkan ikat jamin terhadap pertuduhan amang seksual fizikal yang dikenakan ke atasnya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



MALAYSIA
MADANI

Warga Bangladesh dituduh cabul 2 remaja dalam pasar raya

🕒 10 Julai 2025, 1:01pm



Mamun Md Firozzal mengaku tidak bersalah atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap dua pelajar perempuan dalam pasar raya. - Foto NSTP

MUAR: Seorang gelandangan warga Bangladesh mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan amang seksual fizikal terhadap dua pelajar perempuan dalam pasar raya di Kluang, bulan lalu.

Pengakuan itu dibuat oleh tertuduh, Mamun Md Firozzal, 67, melalui jurubahasa Bangladesh di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap dua remaja perempuan berusia 11 dan 12 tahun di sebuah pasar raya, 4 petang, 8 Jun lalu.

Susulan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama, penjara sehingga 20 tahun dan sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Othman Affan Ismail sementara tertuduh tidak diwakili peguam.

Susulan pengakuan tidak bersalah pihak pendakwaan memohon mahkamah menetapkan tarikh baru sebutan serahan dokumen dan juga lantikan peguam tertuduh.

Mahkamah membenarkan permohonan pihak pendakwaan dan tertuduh dihantar ke Pusat Koreksional Muar untuk tahanan sementara dengan sebutan semula kes pada 14 Ogos depan.